

## Syabu 90 kilogram bernilai RM6.3 juta dirampas

23 Januari 2018

## Syabu 90 kilogram bernilai RM6.3 juta dirampas

GEORGETOWN- Syabu seberat 90 kilogram bernilai RM6.3 juta dirampas dalam serbuan di Kota Permai, Bukit Mertajam pada 19 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh berkata, dalam serbuan berkenaan, polis menahan seorang lelaki berusia 41 tahun.

Menurutnya, 86 ketul syabu disembunyikan dalam tujuh kotak dan beg pakaian.

"Rumah tersebut disewa suspek namun kita masih menyiasat berapa lama dia tinggal disitu. Lelaki tersebut tidak mempunyai rekod lampau namun ujian dadahnya positif *methamphetamine*," katanya kepada media semalam.

Tambahnya, hasil maklumat dari lelaki itu, polis kemudiannya menahan seorang lelaki berusia 31 tahun dalam sebuah kereta di Pulau Tikus.

"Lelaki kedua ini dipercayai rakan suspek dan bersama-sama menjalankan



Mohmad (tengah) dan beberapa pegawai dari IPK Pulau Pinang menunjukkan syabu yang dirampas.

sindiket pengedaran dadah. Tiada rampasan dadah dibuat keatasnya. Ujian dadah suspek mendapati dia positif *methamphetamine* dan satu rekod jenayah melibatkan kurungan salah.

"Selain dadah, kita menyita dua buah kereta iaitu Honda City dan Honda Accord serta wang tunai RM3,150. Nilai keseluruhan

sitaan berjumlah RM42,150. Kita juga menyita akaun bank suspek yang mempunyai wang simpanan RM500,000," katanya.

Menurutnya, rampasan dadah terbesar tahun ini tersebut dipercayai diperoleh dari negara jiran namun siasatan masih dijalankan.

"Jika kesemua syabu ini diproses, ia mampu dibekal-

kan kepada 450,000 penagih. Rampasan ini adalah yang terbesar untuk tahun ini, sejak ini.

Mohmad berkata, kedua-dua suspek direman enam hari sehingga 25 Januari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati.